

TUN HUSSEIN ONN: NEGARAWAN BERINTEGRITI DAN BERWIBAWA (Tun Hussein Onn: A Statesman with Integrity and Authority)

Ku Hasnan bin Ku Halim ^{1,*} and Jamal Rizal bin Razali ¹

¹Jabatan Sains Sosial, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

ABSTRACT – This paper discusses a Malaysian statesman who is also the third Prime Minister of Malaysia, namely Tun Hussein Onn (1976-1981). He replaced the late Tun Abdul Razak bin Dato Husin who died in England while holding the position of Prime Minister of Malaysia. As a substitute, his authority and charisma as a leader of a young country has been tested with various things. In addition, he also formulated some new measures for the good and progress of the country. His tenure as Prime Minister was not long because he stepped down in 1981 for health reasons. Nevertheless, in that short period of time, he has put his name as a leader and statesman who shaped Malaysia.

ABSTRAK – .Kerta ini membincangkan tentang sosok negarawan Malaysia yang juga merupakan Perdana Menteri Malaysia ke-tiga iaitu Tun Hussein Onn (1976-1981). Beliau menggantikan Allahyarhan Tun Abdul Razak bin Dato Husin yang meninggal dunia di England semasa memegang jawatan Perdana Menteri Malaysia. Sebagai pengganti, kewibawaan dan karisma beliau sebagai seorang pemimpin sebuah negara yang masih muda telah diuji dengan pelbagai perkara. Selain itu, beliau juga merumuskan beberapa langkah baharu demi kebaikan dan kemajuan negara. Tempoh beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri tidaklah panjang kerana meletak kawatan pada tahun 1981 atas sebab-sebab kesihatan. Namun demikian, dalam jangka masa yang pendek itu, beliau telah meletakkan namanya sebagai seorang pemimpin dan negarawan yang mencorakkan Malaysia.

ARTICLE HISTORY

Received: 12th April 2021

Revised: 19th April 2021

Accepted: 7th May 2021

KEYWORDS

Tun Hussein Onn

Statesman

Contribution

PENDAHULUAN

Dalam bahasa Melayu, istilah kepimpinan adalah suatu istilah yang diciptakannya untuk memenuhi makna perkataan ‘*leadership*’ dalam bahasa Inggeris ataupun ‘*al Qiyadah*’ dalam bahasa Arab. Kamus Dewan (2010) dan laman sesawang pprm (<https://pprm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pimpin>) hanya memberikan akar kata ‘pimpin’ dan kata terbitannya ‘pimpinan’ yang barangkali dimaksudkan dengan ‘*leadership*’. Salah satu makna yang diberikan kepada istilah ‘pimpin’ ialah mengepalai atau mengetuai (badan, pergerakan, rapat dan lain-lain) dalam bentuk kiasan, ini membawa makna ‘menunjuk jalan’.

Sesebuah kumpulan atau masyarakat memerlukan seorang pemimpin bagi membawa dan menentukan hala tuju masyarakat tersebut. Dalam hal ini, bagi sesebuah negara, seorang pemimpin adalah satu institusi yang merupakan teras kepada kemajuan dan kejayaan negara tersebut. Bagi negara Malaysia yang mendapat kemerdekaan pada tahun 1957, pemimpin dan kepimpinan merupakan atuk perkara yang sangat penting. Hal ini demikian kerana sebagai sebuah negara yang muda, segala potensi yang ada perlu digembleng supaya dapat menjadikan Malaysia sebuah negara yang berdaya maju dalam semua bidang. Namun demikian, dalam usaha memajukan negara, tidak dapat dinafikan bahawa terdapat juga ancaman, sama ada dari dalam mahupun dari luar yang menguji ketrampilan dan daya kepimpinan seorang pemimpin menangani hal tersebut.

Kertas ini akan membincangkan perihal sosok seorang negarawan negara kita iaitu Allahyarham Tun Hussein Onn. Beliau adalah Perdana Menteri Malaysia ke-3 yang mentadbir negara mulai tahun 1976 sehingga 1981. Beliau menggantikan Allahyarham Tun Abdul Razak yang meninggal dunia kerana leukemia semasa mendapatkan rawatan di London, dan beliau pula digantikan oleh Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tun Hussein Onn

Hussein mendapat pendedahan awal kepada kegiatan berpolitik melalui ayahandanya iaitu Dato’ Onn Jaafar yang merupakan pengasas parti tersebut pada tahun 1946. Melalui penubuhan sayap Pergerakan Pemuda UMNO pada tahun 1949, Hussein telah dilantik sebagai ketuanya yang pertama. Setahun kemudian pada tahun 1950, Hussein dilantik pula memegang jawatan Setiausaha UMNO. Pada tahun 1951, Hussein mengikut jejak langkah ayahnya meninggalkan UMNO untuk menubuhkan Partai Kemerdekaan Malaya iaitu IMP tetapi meninggalkan kegiatan politik kemudiannya untuk melanjutkan pelajaran di dalam bidang undang-undang di London.

Pada tahun 1964, Hussein kembali aktif dalam UMNO dan dilantik sebagai salah seorang Naib yang di Pertua pada tahun 1969. Ini diikuti oleh lantikan beliau sebagai Menteri Pendidikan dalam satu rombakan Kabinet pada tahun 1970. Pada 8 Ogos 1973, Hussein dilantik sebagai Timbalan Presiden menggantikan Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ketiga pada 15 Julai 1976 dan terpilih sebagai Presiden UMNO pada September 1978.

Selain itu, Hussein Onn juga merupakan satu-satunya Presiden UMNO dan Perdana Menteri Malaysia yang mempunyai latar belakang pendidikan ketenteraan. Beliau mendapat pendedahan kepada dunia ketenteraan apabila dihantar ke India oleh kerajaan negeri Johor. Sebelum meletusnya Perang Dunia ke-dua, beliau bersama dua orang lagi anak kelahiran Johor iaitu Ibrahim Ismail dan Ungku Ahmad telah dihantar ke India untuk menjalani latihan ketenteraan di Pusat Latihan Tentera India. Selain itu, mereka juga telah terlibat dengan latihan ketenteraan di beberapa negara di Timur Tengah. Pengalaman ini telah memantapkan jati diri dan membentuk beliau menjadi orang yang tegas dalam kepimpinannya.

Ketegasan Dalam Menangani Masalah dan Rasuah

Kepulangan Tun Razak ke rahmatullah secara mengejut juga telah mewariskan dua masalah utama kepada Tun Hussein Onn. Masalah yang pertama berkaitan dengan khabar angin yang menyatakan bahawa Tun di kelilingi oleh sekumpulan kecil penasihat yang mempunyai pengaruh tetapi lebih berkiblat kepada negara-negara sosialis-komunis seperti Soviet Union dan China.

Hal ini juga sangat berkaitan dengan amalan dasar luar sepanjang pentadbiran Allahyarham Tun Razak. Beliau pada mulanya dilihat beralih daripada berkiblat ke Barat semasa di zaman Tunku kepada dasar berkecuali. Namun demikian, tindakan beliau dilihat lebih mesra dan mula menjalin hubungan yang rapat dengan negara blok sosialis. Malahan kunjungannya ke negara China pada tahun 1972 dilihat sebagai permulaan hubungan dengan negara blok sosialis. Kunjungan tersebut juga merupakan suatu peristiwa sejarah kerana menjadi ketua negara yang pertama dari kalangan negara-negara Asean yang berbuat demikian. Melaluinya, pelbagai perkara telah menjadi agenda serta telah merintis jalan sehingga termeterainya hubungan diplomatik dan kebudayaan antara China dan Malaysia. Hubungan diplomatik ini juga menandakan satu permulaan kepada hubungan kukuh serta mempunyai kesan jangka panjang dalam proses melumpuhkan gerakan Partai Komunis Malaya di Malaysia.

Masalah yang kedua ialah kemunculan Datuk Harun Idris iaitu seorang pemimpin muda dari negeri Selangor. Beliau yang juga merupakan pemimpin Pergerakan PEMUDA UMNO dilihat begitu berpengaruh dalam kalangan akar umbi. Selain itu, pengaruhnya juga dikaitkan dengan kedudukannya sebagai Menteri Besar Selangor. Datuk Harun dianggap sebagai wira bagi orang Melayu ketika itu kerana memimpin orang-orang Melayu dalam pertelagahan dengan bukan Melayu semasa meletusnya rusuhan kaum 13 Mei 1969. Pergerakan Pemuda UMNO pada masa itu amat lantang bersuara sehingga kehadirannya seolah-olah sebagai parti-dalam-parti. Keadaan ini juga membawa kepada wujudnya kecenderungan berpuak-puak di dalam UMNO yang boleh menghalang perpaduan sesama ahli-ahli Majlis Tertinggi UMNO.

Selain itu, masalah kewangan yang dihadapi oleh Pergerakan Pemuda UMNO kerana pinjaman dari Bank Rakyat Malaysia yang berjuta ringgit banyaknya kerana membiayai kedatangan jaguh tinju dunia Muhammad Ali telah membawa kepada tuduhan rasuah dan pecah amanah. Datuk Harun Idris telah dirujuk ke mahkamah dan dibicarakan dan akhirnya di dapati bersalah. Selaku salah seorang Naib Presiden yang juga pemimpin kanan parti, Datuk Harun mengharapkan campurtangan UMNO supaya beliau dibebaskan dari tuduhan atau setidak-tidaknya hukuman penjara yang dijatuhkan terhadapnya dikurangkan. Namun demikian, bersesuaian dengan peribadinya yang tegas dan berdisiplin tinggi serta patuh kepada undang-undang dan keputusan mahkamah, Tun Hussein selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO menjauhkan dirinya daripada campur tangan dalam kes ini. Hukuman penjara terhadap Datuk Harun tetap dilaksanakan mengikut proses undang-undang.

Berkaitan dengan peristiwa tersebut, beberapa pertukaran jawatan telah berlaku dalam kalangan beberapa orang pemimpin di peringkat negeri dan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan. Sebahagian daripada pertukaran jawatan ini mempunyai kaitannya dengan penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Hussein memberikan sepenuh kebebasan kepada Badan Pencegah Rasuah menyiasat sesiapa sahaja yang disyakki melakukan kesalahan ini, dan mereka yang bersalah tidak akan diberikan perlindungan politik.

Dalam masa beberapa bulan sahaja selepas Tun Razak meninggal dunia, Hussein Onn bertindak secara tegas dan berani untuk menyelesaikan kedua-dua masalah di atas. Pertama ialah membersihkan UMNO dan kerajaan daripada pengaruh ideologi sosialis-komunis yang dikatakan telah berjaya menjauhkan puak nasionalis daripada Tun Razak. Mereka ini yang merupakan penasihat-penasihat penting kepada Tun Razak, telah ditangkap dan dipenjarakan dan dengan itu sekaligus membersihkan UMNO daripada fahaman kiri-sosialis. Beliau juga dikenali dengan ketegasannya memerangi rasuah dan telah menjadi *trade mark* kepimpinannya melalui tindakan beliau mengheret pelaku rasuah ke muka pengadilan.

Kejatuhan Kerajaan PAS di Kelantan

Dalam Pilihanraya Dewan Undangan Negeri Kelantan pada tahun 1959, parti PAS telah berjaya merampas negeri Kelantan daripada parti PERIKATAN yang hanya memenangi dua kerusi. Dalam Pilihanraya berikutnya pada tahun 1964 dan 1969, pengundi masih memilih PAS sebagai kerajaan negeri Kelantan. Walau bagaimanapun, selepas peristiwa Berdarah 13 Mei 1969 terjadi, demi perpaduan Melayu, keamanan dan kestabilan politik negara, PAS telah menyertai kerajaan campuran dan kemudiannya menjadi salah sebuah parti komponen dalam Barisan Nasional apabila BN diasaskan

pada tahun 1974. Hal ini menjadikan PAS sebagai salah sebuah parti yang memerintah sama ada diperingkat negeri mahupun diperingkat pusat.

Pasca Pilihanraya Umum dalam Dewan Undangan Negeri pada tahun 1974, Dato' Mohd Asri yang memegang jawatan Menteri Besar Kelantan telah memenangi kerusi Parlimen di Nilam Puri. Beliau seterusnya dilantik sebagai Menteri Penuh dalam Kerajaan Persekutuan sebagai Menteri Pembangunan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tiga tahun kemudian, krisis berlaku diantara PAS dan UMNO di negeri Kelantan. Dato' Mohd. Nasir, yang menggantikan Dato' Mohd Asri sebagai Menteri Besar Kelantan, dipandang lebih banyak memihak kepada UMNO dan kerajaan Pusat. Keadaan ini telah mencetuskan rasa tidak puashati PAS dan dirasakan perlu diturunkan dari kerusi Menteri Besar oleh pucuk pimpinan PAS. Dalam satu sidang Dewan Undang Negeri pada 15 Oktober 1977, usaha untuk menyingkir Dato' Mohd Nasir selaku Menteri Besar dilakukan dan berjaya.

Krisis ini diekori pula oleh bantahan dan tunjuk perasaan oleh penyokong kedua-dua parti yang meruncing sehingga hampir berlaku rusuhan. Bagi mengekang keadaan tersebut, kerajaan pusat segera bertindak dengan mengisytiharkan darurat dan kerajaan negeri digantung. Parti PAS membantah keputusan tersebut dan mengambil keputusan untuk keluar daripada Barisan Nasional. Akibatnya, negeri Kelantan perlu mengadakan pilihanraya negeri bagi memilih sebuah kerajaan baharu bersesuaian dengan keperluan yang termaktub di dalam perlembagaan.

Pada masa yang sama, sebuah parti serpihan daripada PAS iaitu, parti BERJASA pimpinan Datuk Mohd Nasir telah ditubuhkan dan terus diterima sebagai anggota Barisan Nasional. Perancangan yang begitu rapi dibuat oleh pemimpin pusat serta kempen besar-besaran dilakukan untuk merampas Kelantan daripada tangan PAS dalam Pilihanraya Dewan Undangan Negeri yang diadakan pada 11 Mac 1978. Barisan Nasional akhirnya memenangi pilihanraya tersebut dengan majoriti besar mengalahkan PAS dan menamatkan penguasaannya di Kelantan selama 18 tahun. Peristiwa bersejarah bagi UMNO dan Barisan Nasional ini berlaku semasa dipimpin oleh Tun Hussien Onn. Hal ini dikaitkan dengan keupayaan dan ketajaman pemikiran serta strategi yang dimiliki oleh beliau serta ketegasannya dalam mengambil tindakan penyelesaian.

Kemelut Politik di Sabah

Sepanjang beliau memegang jawatan Perdana menteri, beliau juga berhadapan dengan krisis politik yang berlaku di Sabah. Kemelut ini berlaku apabila wujud ketidaksefahaman antara Tun Hussein Onn UMNO (Barisan Nasional) dan Tun Datu Mustapha (USNO Sabah) iaitu, bekas Ketua Menteri Sabah. Kita sedia maklum bahawa tahun 1976 ialah era kejayaan parti BERJAYA di bawah pimpinan Tun Fuad Stephens dan Datuk Harris Salleh, yang ditubuhkan pada 15 Julai 1975 sebagai sebuah parti alternatif Melayu Bumiputera kepada USNO. Perlu diakui bahawa krisis dengan parti USNO ini telah timbul semenjak tahun 1975 yang lebih merupakan krisis perebutan kuasa untuk memimpin Sabah antara dua gergasi politik di sana, Tun Datu Mustapha dan Tun Fuad Stephens. Ia merupakan zaman kemerosotan pengaruh dan kejatuhan USNO, walaupun USNO masih merupakan sebuah parti di dalam Barisan Nasional.

Dalam hal ini harus diakui bahawa Hussein dengan sifat ketegasannya berjaya mengeneipkan pengaruh Tun Mustapha di Sabah dan sebaliknya menonjolkan tokoh muda daripada Sabah seperti Dato' Haris Salleh sebagai pengganti kepada Allahyarham Tun Dato' Fuad Stephens untuk memimpin BERJAYA dan negeri Sabah. Sama seperti di Selangor, Tun Hussein Onn menggunakan pendekatan yang tegas dalam menangani hal ini, iaitu melalui penyingkiran pemimpin yang menimbulkan masalah.

Pelancaran Amanah Saham Nasional

Dasar Ekonomi Baru yang diasaskan pada awal era Tun Razak mempunyai cita-cita besar untuk meningkatkan penguasaan Bumiputera dalam modal saham daripada kira-kira 5% kepada 30% dalam masa 20 tahun. Juga usaha harus ditingkatkan untuk penglibatan Bumiputera dalam bidang perdagangan secara lebih berkesan. Tun Hussein Onn yang mengambil alih kepimpinan kerajaan dan parti daripada Tun Razak telah memperkenalkan suatu pembaharuan iaitu melancarkan Tabung Amanah Saham Nasional (ASN) pada 20 April 1981. Skim ini telah mendapat sambutan luar biasa daripada golongan Melayu-Bumiputera kerana menggalakkan mereka menabung dengan cara membeli saham. Ratusan juta modal Melayu-Bumiputera dapat dikumpulkan melalui skim ini yang kemudiannya diperluaskan dengan pengenalan satu lagi tabung amanah iaitu Amanah Saham Bumiputera. Kedua-dua tabung ini telah membantu meningkatkan peratus pemilikan saham oleh bumiputera dalam syarikat-syarikat perniagaan swasta.

Pemilihan Beberapa Pemimpin Muda Sebagai Pelapis

Sewaktu Hussein Onn dilantik sebagai Perdana Menteri, beliau mengambil masa yang agak lama untuk memilih timbalannya dari kalangan Naib Presiden yang terdiri daripada tiga tokoh iaitu Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Daripada kalangan Ahli Majlis Tertinggi, Ghazali Shafie dilihat sebagai tokoh yang paling popular dan amat rapat hubungannya dengan Allahyarham Tun Razak. Ada juga suara-suara yang mengharapkan agar Hussein melantik Tengku Razaleigh Hamzah, yang ketika itu adalah Presiden Petronas sebagai Timbalan Perdana Menteri memandangkan pengalaman luasnya dalam bidang ekonomi dan kewangan. Namun pada akhirnya, beliau memilih Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Satu perkara yang menarik ialah, beliau cenderung memilih dan melantik beberapa orang pemimpin muda ke dalam kabinet sebagai pelapis kepimpinan. Nama-nama seperti Mohd Najib Tun Abd Razak, Rafidah Aziz, Sanusi Junid, Abdullah Ahmad Badawi, Leo Moggie, Paul Leong, Manan Othman, Samy Vellu, Mokhtar Hashim dan Dr. Nik Hussien mula mendapat tempat. Ada antara mereka ini yang kurang berjaya tetapi terdapat juga sebilangan mereka yang berjaya menempa nama dan muncul sebagai tokoh-tokoh penting dalam parti dan kerajaan hari ini.

Di dalam parti UMNO pula, beliau telah melantik Mustaffa Jabbar sebagai Setiausaha Agung dan Haji Embong Yahya sebagai Ketua Penerangan. Dalam hal ini, bolehlah disimpulkan bahawa Hussein Onn mempunyai kebolehan yang istimewa dalam mengenalpasti tokoh-tokoh yang berwibawa sebagai pelapis untuk menerajui parti dan kerajaan demi untuk memastikan kelangsungan perjuangan meningkatkan martabat bangsa Melayu-Bumiputera.

Dasar Luar Negara

Sama seperti Dasar Ekonomi Baru dan dasar-dasar lain untuk meningkatkan martabat bangsa Malaysia, dasar luar Hussein Onn dilihat sebagai meneruskan usaha yang dimulakan oleh Tun Razak iaitu, terbaik-baik dengan semua negara termasuk blok sosialis-komunis. Kunjung-mengunjung antara Malaysia dan negara-negara Barat dipertingkatkan. Walau bagaimanapun, Hussein Onn mengambil inisiatif yang khas untuk merapatkan hubungan di antara Malaysia dan negara-negara tetangga dalam Asean seperti Indonesia, Thailand, Singapura, Brunei dan Filipina. Beliau meletakkan keamanan di rantau ini sebagai keutamaan dalam dasar luarnya.

Penilaian Sumbangan Hussein Onn

Dalam kalangan empat orang Perdana Menteri Malaysia dari 1957 hingga 2003, Tun Hussein Onn merupakan Perdana Menteri yang paling pendek jangka masanya perkhidmatannya. Beliau memegang jawatan Perdana Menteri untuk selama 5 tahun 6 bulan sahaja, bermula pada 15 Januari 1976 dan meletakkan jawatan pada 16 Julai 1981 atas sebab-sebab kesihatan. Hal yang sama juga berlaku semasa beliau menjawat jawatan Timbalan Perdana Menteri iaitu, kurang daripada 3 tahun sewaktu menggantikan Tun Dr. Ismail yang meninggal dunia.

Jika kita merenung kembali peristiwa penting serta sumbangan yang boleh dikaitkan dengan era Hussein Onn, suatu kejayaan dari segi sejarah politik UMNO dan Barisan Nasional ialah kejayaan merampas Kelantan daripada tangan PAS yang menyaksikan berakhirnya monopoli kerajaan PAS ke atas Kelantan.

Kedua, Hussein Onn muncul sebagai seorang Perdana Menteri yang amat tegas dalam menangani sesuatu masalah. Beliau percaya kepada undang-undang dan mahkamah untuk memberi keadilan dan menjauhkan gangguan politik terhadap proses undang-undang. Hal ini amat jelas dalam tindak tanduknya memerangi rasuah, pecah amanah dan penyalahgunaan kuasa.

Ketiga ialah keyakinan sepenuhnya Hussein Onn terhadap beberapa dasar yang telah diasaskan oleh Tun Razak sebelumnya. Beliau dilihat meneruskan semua dasar tersebut terutamanya Dasar Ekonomi Baru, kecuali skim Amanah Saham Nasional yang diperkenalkan oleh pentadbirannya. Begitu juga dengan dasar luar Malaysia, Hussein meneruskan dasar berkecuali yang diasaskan oleh Tun Razak kerana kedua-dua pemimpin berpendapat peluang dan ruang kepada Malaysia untuk mendapat manfaat ekonomi, sosial dan politik akan lebih luas sebagai sebuah negara yang berkecuali.

Keempat ialah kebijaksanaan Hussein memilih golongan pelapis untuk mengisi jawatan-jawatan penting dalam kerajaan dan politik. Kebijaksanaan Hussein yang paling menyerlah ialah pemilihan Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri, seorang yang pada waktu itu merupakan golongan tokoh muda. Ternyata Dr. Mahathir dan beberapa pemimpin lain yang ditonjolkan oleh Hussein, seperti Rafidah, Mohd Najib, Sanusi Junid, Leo Moggie serta ketiga-tiga Menteri Besar Pahang, Melaka dan Negeri Sembilan tidak menghampakan kepercayaan Hussein Onn terhadap mereka.

KESIMPULAN

Telah menjadi satu kelumrahan bahawa setiap Perdana Menteri Malaysia dikaitkan dengan satu gelaran yang mencerminkan sumbangan yang dijadikan *trade mark* seseorang itu semasa memegang jawatan sebagai Perdana Menteri. Walaupun gelaran itu bukanlah sesuatu yang resmi, ia kelihatan mendapat perhatian dan diterima baik oleh masyarakat umum tanpa mempersoalkan kesesuaian gelaran itu.

Tunku Abdul Rahman diberikan gelaran sebagai Bapa Kemerdekaan Malaysia yang terangkum di dalamnya kedua-kedua pencapaian iaitu Kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan pembentukan Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Gelaran ini dirasakan wajar diberikan kepada Tunku kerana sepanjang memegang jawatan sebagai Perdana Menteri di antara Ogos 1957 dan September 1970 selama 13 tahun dan selaku Yang Di Pertua UMNO selama hampir 20 tahun dan peristiwa ini merupakan kejayaan yang terbesar dicapai oleh UMNO dan kerajaan.

Tun Abdul Razak pula diberikan gelaran sebagai Bapa Pembangunan. Ini boleh dianggap bertepatan dengan usaha gigih Tun Razak membangunkan sektor luar bandar bermula apabila beliau memegang jawatan selaku Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Luar Bandar sehinggalah beliau memegang jawatan Perdana Menteri. Sayugia diingatkan bahawa perlantikan Tun selaku Perdana Menteri dan Presiden UMNO bersempena dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1971.

Dalam sejarah dan perkembangan kemajuan Malaysia, Dasar Ekonomi Baru merupakan satu batu tanda dan dasar yang amat penting dalam merombak sistem ekonomi kolonial dan meletakkan Melayu-Bumiputera ditempat yang sewajarnya iaitu mendorong mereka membabitkan diri dengan secara cergas dalam bidang pembuatan, perindustrian dan perdagangan. Walaupun Dasar Ekonomi Baru tidak mencapai matlamat untuk memberikan 30 peratus penguasaan Bumiputera dalam sektor perniagaan, tetapi 22 peratus yang dicapai pada tahun 1990 sesudah 20 tahun Dasar Ekonomi Baru dilancarkan meletakkan kedudukan bumiputera tidak dalam keadaan yang cemas dan meruncing seperti pada tahun tahun 1960an dan awal tahun 1970an.

Hari ini terdengar sekali sekala Bapa Malaysia Moden yang dikaitkan dengan Tun Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri yang keempat. Malaysia Moden yang dikira dalam konteks gelaran ini ialah Malaysia yang semakin

maju dalam bidang ekonomi dan tidak begitu jauh majunya untuk memasuki kelab negara industri. Malah telahpun diramalkan oleh para ahli ekonomi bahawa besar kemungkinannya Malaysia akan muncul sebagai negara Islam yang pertama berjaya menjadi negara perindustrian yang maju. Oleh kerana Malaysia sememangnya sedang menuju kearah itu, gelaran ini juga tidak akan menimbulkan sebarang persoalan ia akan diterima pakai umum.

Bagaimana pula dengan Tun Hussein Onn? Beliau diberi gelaran sebagai Bapa Perpaduan. Salah satu faktor teras yang menyebabkan digelar sedemikian rupa ialah kejayaannya menyeimbangkan kedudukan politik Malaysia dan UMNO. Hal ini demikian kerana pada era Hussein Onn telah berlaku beberapa kemelut politik di negara kita, seperti yang berlaku di Kelantan dan di Sabah. Hal ini tidak dapat tidak mesti dikaitkan dengan ketegasan serta keberaniannya di dalam menangani masalah tanpa rasa takut atau menghiraukan sangat sensitiviti dan implikasi politik terhadap tindak tanduk beliau.

Kita dapat melihat disini ciri utama di dalam kepimpinan Hussein Onn ialah sifat ketegasan

Jika kita membuat keputusan bahawa gelaran Bapa Perpaduan itu kurang relevan dan bersesuaian, kita mungkin juga masih kurang menemui gelaran yang difikirkan bersesuaian. Namun apa yang dapat kita sama-sama menelusuri pantai-pantai sejarah ialah negara dan parti UMNO di bawah Hussein Onn berada di dalam keadaan stabil dan tenang, walaupun parti-parti politik dalam Barisan Nasional tidak bebas daripada masalah rumah tangga ataupun pergolakan dalaman namun masih mampu diawasi dan ditangani dengan kaedah kaedah yang sewajarnya.

Di sebalik semua hal yang dibincangkan diatas, tidak keterlaluan dikatakan bahawa salah satu hadiah dan jasa yang terbaik yang telah diberikan oleh beliau (Tun Hussein Onn) kepada kita adalah dengan melantik Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia yang ke empat yang telah mengangkat mertabat negara di persada dunia. Hal ini hanya terjadi melalui cadangan oleh Hussein bin Onn, iaitu anak kepada pengasas UMNO.

RUJUKAN

- Ahmad Boestamam. (1979). *Datuk Onn Yang Saya Kenal*. Kuala Lumpur: Penerbitan Adabi Sdn.
- Aziz Zariza Ahmad. (1979). *Hussein Onn Dengan Era Baru*. Kuala Lumpur: Firma Malaysia Publishing.
- Jamal Rizal Razali. (2014). *NegaraKu Negara Kita*. Penerbit UMP : Kuantan.
- _____ dan Imaduddin Abidin (eds.). (2020). *Katemeneh Komunis*. Penerbit UMP : Kuantan.
- Khairul Azmi Mohamad. (2000). *Insan Pejuang Bangsa Melayu Abad ke 20*. Johor: Yayasan Warisan Johor.
- Kamus Dewan. (2010). *Dewan Bahasa dan Pustaka*: KL
- Kita Terus Maju. (1979). Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Ramlah Adam. (1992). *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nora Haji Samad. (2003). *Siri Tokoh Pejuang Negara; Tun Hussein Onn*. Kuala Lumpur: Goodmark Interprise.
- S.Hashim Ahmad. (2001). *Hussein Onn Perdana Menteri Kita*. Era Perpaduan: Ampang Juz Art.
- Shaharom Hussein. (1985). *Biografi Perjuangan Politik Dato' Onn Jaafar*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Berhad.
- Ucapan-ucapan Tun Hussein Onn. Kuala Lumpur. (1982). *Arkib Negara Malaysia*. 1981. Nada Petronas.
- Akhbar Utusan Melayu (t.t).
- Surat Kabar Majlis (t.t).
- Berita Harian (t.t).
- New Straits Times (t.t)
- Star (t.t)
- (<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=pimpin>) dicapai pada 2 November 2020.